

1103/2
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
NOVEMBER 2021
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

PERCUBAAN SPM

2021

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

1. Kertas ini mengandungi **sembilan** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub sukan elektronik yang terbesar di Asia Tenggara seharusnya menjadi pemangkin bagi para remaja untuk mendalami bidang sukan baharu ini dan mendapatkan manfaat daripadanya. Umum mengetahui bahawa golongan remaja pada masa ini terdedah dengan pelbagai gejala sosial seperti merokok, melepak dan ponteng sekolah. Hal ini tidak termasuk pengaruh budaya Barat yang semakin menular dalam kalangan remaja sehingga mereka berani melakukan perkara di luar batasan agama dan budaya. Oleh hal yang demikian, kegiatan e-sukan ini dapat mengisi waktu lapang para remaja sekali gus mengurangkan masalah sosial yang sering berlaku dalam kalangan mereka

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Memperkasakan E-sukan dalam Kalangan Remaja'
oleh Muhammad Lutfi Zahid
Dewan Siswa, Mac 2019

[6 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Kes pemerdagangan manusia merupakan jenayah yang melibatkan kanak-kanak dan golongan dewasa. Gejala tidak bermoral ini dilakukan oleh segelintir manusia yang ingin mengaut keuntungan semata-mata. Ibu bapa boleh mengelakkan anak mereka menjadi mangsa dengan mengawasi anak mereka supaya tidak bermain secara bersendirian. Anak-anak biasanya suka bermain di taman rekreasi dan di gelanggang permainan yang disediakan. Pada waktu petang, mereka akan keluar bermain. Pengawasan ibu bapa sangat penting kerana anak-anak biasanya akan mendengar kata-kata ibu bapa mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Menangani Gejala Pemerdagangan Manusia'
oleh Thaarmaaraj A/L Ramanathan
Dewan Siswa, Disember 2019

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam **Petikan 1**, terdapat **enam** kesalahan bahasa manakala **Petikan 2** mempunyai **lima** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap sekolah mempunyai keinginan dan inspirasi tertentu dalam memantulkan imej dan status sekolah melalui pencapaian akademik murid. Pihak sekolah amat berharap sistem pengasingan kelas dapat menggerakkan pola pengajaran dan pembelajaran selaras matlamat yang sekolah tentukan. Sistem ini juga diharapkan dapat mendorong perjuangan pembelajaran yang positif di dalam kalangan murid. Murid yang lemah dipercayai dapat meningkatkan daya saing dengan murid yang lebih bijak melalui pembangunan potensi mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Dilema Sistem Pengasingan Kelas'
oleh Dr. Suresh Kumar N Vellmalay,
Pendidik, 2018

[6 markah]

Petikan 2

Perkara yang turut menjadi kebimbangan ibubapa dalam isu kerja sambilan ini adalah kecenderungan pelajar terjebak dalam gejala sosial. Remaja boleh di- ibaratkan seperti rebung yang mudah dilunturkan dan pokok ranting yang mudah dipatahkan. Remaja yang kurang berpendidikan agama mungkin memilih pekerjaan sambilan yang tidak selesa seperti menjadi ejen penjual bahan khayal dan bekerja di kelab malam.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja dan Kerja Sambilan'
oleh Athma Zuriantee Ahmad Zubir
Dewan Siswa, Jun 2020

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti, kemudian tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembalilah pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah. "Ya, tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang."

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam ayat-ayat tersebut.

1. Pak Hamid sekeluarga semakin menderita sejak berlakunya musibah pandemik COVID-19. Pak Hamid bukan sahaja kehilangan kerja malah dia terpaksa menagih simpati daripada masyarakat untuk meneruskan kelangsungan hidup dirinya serta keluarga.
2. Datuk Salleh selalu membawa keluarganya melancong ke luar negara pada setiap tahun. Beliau berpendapat bahawa melancong sama ada di dalam mahu pun di luar negara membolehkan mereka mengenali tempat-tempat yang menarik selain mengetahui budaya dan adat resam negeri tersebut.
3. Dato' Muhammad Azizulhasni bin Awang atau digelar 'The Pocket Rocketman' telah berjaya memenangi pingat perak dalam acara keirin Kejohanan Olimpik di Tokyo, Jepun, baru-baru ini. Kemenangan yang amat bermakna ini merupakan hasil usaha beliau yang selama ini tidak mengenal erti putus asa.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sesungguhnya, tidak ada kejayaan yang datang bergolek. Begitulah juga dengan remaja yang ingin menceburi dunia perniagaan dan menjadi usahawan. Antara petua untuk remaja berjaya dalam perniagaan termasuklah mengetahui produk dan industri yang ingin diceburi, mengenal pasti pelanggan dan pasaran, membentuk pasukan yang hebat dalam menguruskan perniagaan dan bijak menguruskan masa antara pelajaran dengan perniagaan. Hal ini penting kerana banyak remaja yang ingin memulakan perniagaan tetapi terkandas di tengah jalan kerana tidak dapat membahagikan masa antara pelajaran dengan perniagaan.

Sehubungan dengan itu, remaja harus bersedia, berjiwa kental dan sanggup berhadapan dengan apa-apa sahaja risiko yang mendatang. Remaja tidak boleh mengalah dengan sebarang masalah yang dihadapi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Usahawan Remaja Berjiwa Kental'
oleh Fadhli Ali
Dewan Siswa, Jun 2020

Bahan 2

Malaysia merupakan hub pengeluar produk halal di rantau ini. Kelebihan ini perlulah diambil oleh golongan remaja untuk menyertai bidang ini. Para remaja perlulah mempersiapkan diri dalam pelbagai kemahiran, terutamanya kemahiran bahasa memandangkan Malaysia akan menjadi tumpuan dunia bagi menghasilkan produk halal. Hal ini dikatakan demikian kerana *kemahiran berkomunikasi* dalam pelbagai bahasa dapat membantu menarik minat pelabur asing untuk melabur di negara kita sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Keusahawanan dan perniagaan yang dijadikan satu daripada kerjaya pilihan dalam kalangan remaja sebenarnya turut membantu mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran kerjaya yang semakin mencabar.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Ayuh, Jadilah Usahawan!'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,
Dewan Siswa, Julai 2019

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud **kemahiran berkomunikasi**. [2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan petua-petua yang dapat dipraktikkan oleh remaja untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi. [3 markah]
- iii. Remaja hari ini berlumba-lumba untuk menjadi usahawan yang berjaya.
- Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang mendorong remaja untuk menceburi bidang keusahawanan? [3 markah]
- iv. Sekolah anda akan mengadakan Hari Koperasi Sekolah bersempena dengan Minggu Keusahawanan. Anda dan rakan-rakan dipertanggungjawabkan untuk mengurus sebuah gerai untuk menjual makanan pada hari tersebut.
- Apakah perancangan yang harus anda dan rakan-rakan lakukan bagi memastikan gerai tersebut mendapat sambutan? [4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Mel, agama dan bahasa itu *cermin maruah* kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati dengan bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah."

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**Pantun Endah Bahasa**

Sederet langsung pinggiran paya,
Memayung redup pokok selimpat;
Bahasa kesat bukan budaya,
Norma hidup berbeza pendapat.

Hendak diajak menugal jagung,
Sebatang kayu runcing sudah;
Bahasa rojak jangan diagung,
Bimbang Melayu tergeliat lidah.

Fikiran kesasar kasih diluka,
Apakah cara di mana ubat;
Bahasa kasar siapa yang suka,
Dipulau saudara hilang sahabat.

Pasir jerlus di tepi muara,
Melangkah teliti khuatir tenggelam;
Bahasa halus lembut bicara,
Menjaga hati tergores dalam.

Sudah dipesan lampu terendak,
Hadiah percuma bingkai kenangan;
Bahasa kiasan dibuang tidak,
Tutur orang lama bukan sembarangan.

Teroleng kolek gelisah terasa,
Ombak bergulung guruh menderum;
Bahasa molek menunjukkan bangsa,
Tamadun terulung seantero mengharum.

Zalina Samsudin
Raub, Pahang,
Pelita Bahasa, Bil. 12/2020

Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud frasa **cermin maruah**. [2 markah]

Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, bahasa Melayu dikatakan mempunyai cabaran-cabaran yang tertentu. Apakah cabaran-cabaran tersebut?

[4 markah]

- iii. Belakangan ini, kedudukan bahasa Melayu semakin dipinggirkan terutamanya oleh golongan muda.
Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda meningkatkan penggunaan bahasa Melayu?
[3 markah]
- iv. Rakan-rakan di sekolah anda tidak berminat untuk menyertai Persatuan Bahasa Melayu sebagai salah satu aktiviti kokurikulum yang dititikberatkan oleh pihak sekolah.
Sebagai Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, apakah tindakan-tindakan yang patut anda lakukan untuk menarik minat rakan-rakan anda?
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kebelakangan ini payah benar matakuliah hendak lalap. Lantaran itu, aku hanya duduk di anjung rumah. Kadang-kadang aku menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku ataupun aku juga menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku. Kadang-kadang aku akan bersembang dengan Tauke Lim. Kadang-kadang pula aku menulis puisi atau cerpen. Malam yang hening benar-benar mendamaikan. Ilham adakalanya datang seperti hujan lebat yang turun menyirami bumi. Namun, adakalanya ilham seperti memerah kain kering.

Aku melihat ke arah rumah Tauke Lim yang letaknya tidak jauh dari rumahku. Ruang dalam rumah Tauke Lim sudah gelap. Cuma lampu kalimantang di bahagian beranda rumahnya sahaja yang dinyalakan. Barangkali mereka sekeluarga sudah hanyut di dalam mimpi.

Dipetik daripada novel 'Silir Daksina'
karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Aku sewaktu duduk di anjung rumah apabila matanya payah benar hendak lalap.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- b) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat bertanggungjawab.

[6 markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 - Petikan

Kejayaan sesebuah bangsa atau negara itu diukur dari pelbagai aspek termasuklah politik, ekonomi dan sosial. Ketiga-tiga aspek ini menjadi kayu ukur utama dalam menilai kemunduran dan kemajuan sesebuah bangsa atau negara. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggariskan nilai-nilai hidup seperti rajin, amanah, berdisiplin dan bertanggungjawab perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat untuk membentuk negara yang berjaya dan dihormati dunia.

Pada hakikatnya nilai-nilai murni ini perlu diterapkan dalam diri rakyat Malaysia dengan menyedarkan ibu bapa tentang pentingnya memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak semasa mereka masih kecil. Ibu bapa perlu sentiasa mengajar mereka tentang pentingnya kerajinan, berdisiplin dan bertanggungjawab. Usaha yang seterusnya ialah kerajaan perlu mengadakan kempen kesedaran kepentingan nilai murni kepada masyarakat. Langkah ini boleh dilakukan sama ada di desa ataupun di bandar-bandar besar yang sedang mengalami proses pembangunan. Kempen ini haruslah dilakukan secara berterusan dan tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam.

Sebagaimana yang kita ketahui, mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan dapat memajukan negara. Hal ini terjadi kerana setiap rakyat tekun bekerja dan mempunyai sifat amanah yang tinggi dalam diri mereka ketika melakukan sesuatu perkara. Sebagai contoh, setiap pekerja di Malaysia hadir ke tempat kerja pada waktu yang ditetapkan. Secara tidak langsung produktiviti sesebuah syarikat akan meningkat.

Pengamalan nilai murni juga dapat mengeratkan perpaduan masyarakat majmuk di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Malaysia saling menghormati dan menjaga hubungan baik antara satu sama lain. Selain itu, jika diteliti dengan lebih mendalam, mengamalkan nilai murni akan dapat mengekalkan kestabilan politik dalam negara Malaysia. Dapat melahirkan insan yang berakhlak mulia juga merupakan impak masyarakat mempraktikkan nilai murni dalam kehidupan. Insan yang berakhlak mulia ini telah berjaya mengimbangkan nilai-nilai murni dalam semua aspek kehidupan iaitu aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi.

Guru-guru, pihak kerajaan dan ibu bapa perlu sama-sama menggalas tanggungjawab dalam menerapkan nilai-nilai hidup tersebut untuk memastikan sebuah bangsa Malaysia yang berjaya dalam semua aspek dapat direalisasikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memupuk Bangsa Malaysia yang Berjaya'
Dewan Siswa, Ogos 2019

Siri 6

Nilai Murni Dan Etika melalui PAK-21

Nilai murni dan etika berlaku apabila:

PENERAPAN NILAI YANG BERSESUAIAN



Murid diterapkan nilai yang beresuaian semasa sesi PdP

PENGHAYATAN DAN AMALAN

Murid perlu menzahirkan amalan nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian



PENGHARGAAN

Guru memberi penghargaan kepada murid dan memberi penghargaan sesama rakan



GALAKAN DAN PROMOSI

Guru mengadakan program untuk menggalakkan penghayatan dan amalan nilai murni



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PADU